

29/03/1997

Agensi terbabit majukan kawasan bukit disiasat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan menjalankan siasatan bersepadu terhadap pelbagai agensi yang terbabit dalam projek pembangunan di kawasan bukit berhampiran Bukit Antarabangsa, Hulu Klang tidak lama lagi.

Siasatan rapi itu membabitkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata siasatan itu bertujuan mempercepatkan pemeriksaan terhadap proses kelulusan projek itu.

Ia juga bertujuan mengumpul bukti bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil, termasuk kemungkinan membawa pemaju ke mahkamah.

"Pemaju projek berkenaan sudah diarah menghentikan kerja di tapak terbabit dan menyediakan laporan terperinci berhubung program pemuliharaan bukit selaras undang-undang sedia ada.

"Maklumat itu amat penting dalam membantu sebarang tindakan undang-undang, jika perlu, yang boleh dikenakan terhadap pemaju," katanya selepas merasmikan Seminar Teknologi Pemindahan Pokok di sini, hari ini.

Selasa lalu, Berita Harian melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor.

(END)